



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

## SEMPENA

**MAJLIS SAMBUTAN BULAN INTEGRITI PERINGKAT  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
2022**

## TARIKH / MASA / TEMPAT

**22 DISEMBER 2022 (KHAMIS)  
10.15 PAGI**

**DEWAN KENANGA  
MENARA BANDARAYA  
BANDAR PERDA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan berkat limpah kurnia-Nya telah mengizinkan kita berkumpul pada pagi ini dalam Majlis Sambutan Bulan Integriti Peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai Tahun 2022.

Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, Warga Kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai serta para hadirin sekalian yang sudi hadir dan bersama-sama menjayakan program pada pagi yang indah ini. Kehadiran Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua amatlah saya hargai.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Jawatankuasa Penganjur Program, iaitu Jabatan Khidmat Pengurusan di atas komitmen yang jitu dan padu dalam kejayaan menganjurkan program ini. Sesungguhnya majlis ini merupakan satu usaha pengurusan MBSP untuk menyemarakkan semangat berintegriti di kalangan warga kerja MBSP.

## **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Sambutan Bulan Integriti disambut pada 5 November setiap tahun, sejak tahun 2005 lagi. Di peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai, pelbagai program telah dirancang sepanjang bulan November 2022 bagi tujuan memantapkan pembudayaan nilai-nilai tadbir urus, integriti dan anti rasuah. Integriti bukan hanya merujuk kepada pembanterasan rasuah semata-mata tetapi juga kepada amalan nilai-nilai murni dalam membina akhlak mulia seluruh warga kerja MBSP. Program-program yang telah dan sedang dilaksanakan pada tahun ini, sempena Sambutan Bulan Integriti Peringkat MBSP termasuklah:-

- i. Pelancaran Buku Pelan Tindakan Pelan Antirasuah MBSP Tahun 2023
- ii. Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD)
- iii. Pelancaran Polisi Antidadah MBSP
- iv. Anugerah Pegawai Berintegriti
- v. Pelancaran Sistem Bersepadu (SPB) e-PILIH
- vi. Ujian Saringan Air Kencing
- vii. Virtual Kuiz Integriti

## **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

MBSP telah menyediakan Pelan Antirasuah Majlis Bandaraya Seberang Perai 2021-2025 yang berdasarkan kepada Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019. Pelan Antirasuah ini telah dilancarkan pada 26 November 2020 dengan matlamat utamanya untuk memastikan Majlis Bandaraya Seberang Perai sentiasa menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memerangi rasuah.

Pelan Antirasuah MBSP 2021-2025 telah menetapkan empat (4) strategi utama atau bidang keutamaan yang menjadi teras utama dalam usaha memerangi rasuah iaitu:-

1. Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam;
2. Mempertingkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Perolehan Awam;
3. Menginstitusikan Kredibiliti Penguatkuasaan Undang-Undang; dan
4. Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam MBSP.

Bagi mencapai matlamat Pelan Antirasuah MBSP 2021 – 2025, MBSP telah merangka Pelan Tindakan Pelan Antirasuah Majlis Bandaraya Seberang Perai secara tahunan bagi tempoh lima tahun. Pelan Tindakan Pelan Antirasuah MBSP Tahun 2023 telah menggariskan sebanyak 39 program dan 58 aktiviti yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2023.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Di samping itu, MBSP juga melaksanakan Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) yang merupakan satu program yang baru yang diperkenalkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Program ini bertujuan mendidik dan memberi pengetahuan mengenai bahaya penyalahgunaan dadah di tempat kerja kepada majikan dan pekerja serta memberi kemahiran dalam menguruskan pekerja yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Di samping itu, ianya juga menyediakan program pemulihan yang berkesan dan mencegah penyalahgunaan dadah di tempat kerja dan mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat.

MBSP telah memulakan program ini dengan memberikan taklimat berhubung tempat kerja bebas dadah kepada warga kerja dan penyelia-penyelia di MBSP. Adalah diharapkan program ini dapat mencegah

penyalahgunaan dadah di tempat kerja serta mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat serta memangkin produktiviti dalam mewujudkan kakitangan kerajaan awam bebas dadah di tempat kerja.

Ada beberapa kriteria yang akan menjadi tumpuan dalam melaksanakan tempat kerja bebas dadah yang perlu dipatuhi bagi memperoleh sijil ini iaitu Komitmen dan Kepimpinan Pengurusan Atasan; Polisi dan Jawatankuasa Pencegahan Dadah di Tempat Kerja; Latihan Untuk Penyelia; Program Pendidikan dan Kesedaran Kepada Pekerja; dan Program Rawatan Dalam Komuniti. Tempoh untuk mematuhi dan melengkapkan semua langkah atau kriteria program TEKAD adalah dalam tempoh setahun sebelum DISEMBER 2023.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

MBSP juga telah berjaya mewujudkan Polisi Antidadah MBSP dan Jawatankuasa Antidadah pada 10 November 2022 yang akan dirasmikan hari ini. Polisi Antidadah MBSP ini akan dipamerkan di sudut Antidadah MBSP.

MBSP juga turut mengiktiraf kakitangan yang komited serta mempamerkan etika kerja yang berkualiti dan integriti yang tinggi melalui Anugerah Pegawai Berintegriti. Seramai tujuh (7) kakitangan MBSP yang bertugas di Depo Tasek Gelugor telah diberikan Sijil Penghargaan Integriti sebagai menghargai integriti dan kejujuran pegawai tersebut semasa menjalankan tugas. Mereka telah berusaha membantu seorang suri rumah yang secara tidak sengaja telah membuang sejumlah barang kemas ke dalam tong sampah MBSP dan sampah tersebut telah dikutip dan dimasukkan ke dalam lori kompaktor. Kakitangan-kakitangan MBSP ini telah bertungkus lumus dan menyelongkar sampah yang bertimbun sehingga menjumpai kembali beg kecil yang berisi barang kemas kepunyaan suri rumah tersebut.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Dalam mengorak langkah ke arah era teknologi digital, pengurusan kerja yang lebih efisien dan berintegriti MBSP telah membangunkan Sistem Perolehan Bersepadu (SPB) atau e-Pilih. Fasa Pertama Sistem Perolehan MBSP atau e-Pilih adalah Modul Perancangan dan Pemilihan Nama Syarikat. Modul ini telah siap dibangunkan pada 27 Januari 2022 dan sesi latihan telah diadakan pada 29 Januari 2022. Fasa pertama ini telah mula digunakan pada 30 Januari 2022. Sistem Perolehan MBSP (e-Pilih) ini

melaksanakan pemilihan kontraktor melalui sistem dan modul ini dibangunkan adalah bagi membantu pegawai-pegawai di jabatan secara telus, bagi cadangan mendapatkan senarai kontraktor mengikut pendaftaran dan pengkhususan yang telah ditetapkan di dalam CIDB untuk kerja-kerja di bawah RM50,000.00.

e-Pilih juga memberi maafaat kepada pihak urus setia bagi membantu MBSP meningkatkan dan memberikan kualiti perkhidmatan yang terbaik di samping dapat meningkatkan mutu proses kerja di jabatan. e-Pilih merupakan penghasilan inovasi yang mana dapat meningkatkan kualiti, produktiviti dan efisien dalam aspek kerja terutama dalam proses pemilihan kontraktor di mana e-Pilih ini menggunakan teknologi yang boleh dicapai atas talian dan diakses bila-bila masa. Ini sekaligus dapat mengurangkan monopoli kerja oleh sebahagian kontraktor.

Sistem ini kini dalam proses pembangunan fasa kedua bagi menyediakan modul permohonan tender dan sebutharga. Sistem ini dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2023.



## **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

MBSP juga telah melaksanakan Ujian Saringan Air Kencing sebanyak lima (5) kali dalam tahun ini yang melibatkan 312 kakitangan. Pelaksanaan ini dijalankan dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) bagi tujuan program kesihatan dan mengesan penyalahgunaan dadah atau penagihan dadah di kalangan kakitangan lantikan baru atau kakitangan lama berkhidmat selaras dengan surat pekeliling perkhidmatan Bil 3 tahun 1989. Hasil keputusan ujian saringan air kencing yang dilaksanakan di MBSP adalah negatif.

Di samping itu, MBSP telah menganjurkan Kuiz Integriti secara Virtual pada 30 November 2022. Kuiz ini terbuka kepada semua warga MBSP dan seramai 140 warga kerja MBSP telah mengambil bahagian. Kuiz ini adalah salah satu usaha untuk mempromosikan nilai integriti, moral dan etika di kalangan warga MBSP serta meningkatkan penghayatan dan kepentingan budaya kerja berintegriti di MBSP. Seramai lapan (8) pemenang telah memenangi kuiz ini, yang akan menerima hadiah berupa sijil penghargaan dan wang tunai. Kuiz ini akan diteruskan sebagai salah satu agenda pengukuhan integriti di MBSP dalam usaha membudayakan integriti dan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan kakitangan MBSP.

Adalah diharapkan melalui program-program yang diadakan ini dapat menyediakan ruang untuk kakitangan memahami, menghayati dan menghindari diri daripada amalan rasuah yang bertentangan dengan aktiviti dan kelakuan sebagai penjawat awam, dan juga tidak terjebak dengan penyalahgunaan dadah.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Pada tahun ini MBSP telah menerima jemputan daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd untuk menyertai Program Pilot bagi ISO 37301:2021, iaitu Sistem Pengurusan Pematuhan (CMS). Setakat ini MBSP telah mempunyai lapan (8) Pensijilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti, iaitu 7 daripadanya adalah ISO yang dipersijilkan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd dan satu lagi, iaitu 5S daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Pelaksanaan dan pensijilan CMS ini kiranya berjaya diperolehi oleh MBSP, akan menjadikan MBSP sebagai PBT pertama yang mempunyai sembilan (9) Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti. Apa yang saya ingin tegaskan di sini adalah, kita tidak mengejar pensijilan untuk mendapat pengiktirafan semata-mata. Apa yang kita lakukan adalah menjadikan

MBSP sebagai juara di hati rakyat dengan proses pemberian perkhidmatan yang lebih mudah dan mesra disamping meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan tugas-tugas kita.

MBSP tidak akan ada maknanya jika tiada sokongan dan dokongan daripada rakyat, terutama warga Seberang Perai serta semua *stakeholders* termasuk Kerajaan Negeri khususnya. Semua sistem-sistem yang dilaksanakan mempunyai standard dan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh semua pengurusan termasuk Ahli-Ahli Majlis dan warga kerja MBSP sendiri.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Pelbagai cabaran telah diharungi demi menyediakan perkhidmatan yang terbaik bagi penduduk Seberang Perai khasnya dan *stakeholders* secara amnya. Ekspektasi penduduk Seberang Perai semakin mencabar dan sentiasa memerlukan perkhidmatan yang lebih cekap, efisien dan proaktif. Adalah mustahak bagi setiap kakitangan MBSP untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan dalam kerja-kerja harian di pejabat, di lapangan dan apa-apa hal yang melibatkan kepentingan umum.

Dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk kesejahteraan rakyat di Seberang Perai, saya menekankan agar konsep ABC (*Amanah, Betul dan Cepat*) sentiasa diamalkan dalam pelaksanaan semua dasar dan program yang direncanakan serta tugas-tugas harian. Selain itu, kita juga perlu mengamalkan konsep SMART dalam melaksanakan tugas harian kita, *S- Specific, M- Measurable, A- Achievable, R- Reliable, T- Time Bound* bagi memangkin Seberang Perai ke arah *liveable and aspiring city*.

Program sempena Sambutan Bulan Integriti Peringkat MBSP ini dapat menyebarkan mesej integriti dan kepentingan integriti dalam penyampaian perkhidmatan. Integriti merupakan elemen penting untuk kesejahteraan warga MBSP. Pegawai dan Kakitangan MBSP yang berintegriti tinggi menjadikan asset penting terhadap kejayaan MBSP. Hakisan nilai integriti dalam MBSP boleh mengakibatkan kepincangan pentadbiran dan salah laku dalam organisasi. Justeru itu, pengamalan dan pemahaman terhadap integriti dan etika amat perlu dilaksanakan. Diharapkan aktiviti-aktiviti yang digariskan dapat dilaksanakan dengan komited bagi mencapai Misi Ke Arah MBSP Bebas Rasuah.

Akhir kata, dengan tulus ikhlas saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Majlis Sambutan Bulan Integriti Peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai Tahun 2022.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***